

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menjawab soalan (a), keseluruhan statistik indeks jenayah tahun 2008 sehingga Mac 2015 adalah seperti berikut: -**

<b>Tahun</b>	<b>Indeks Jenayah (Bilangan Kes)</b>
<b>2008</b>	<b>211,645</b>
<b>2009</b>	<b>209,817</b>
<b>2010</b>	<b>177,520</b>
<b>2011</b>	<b>166,295</b>
<b>2012</b>	<b>153,669</b>
<b>2013</b>	<b>147,062</b>
<b>2014</b>	<b>128,544</b>
<b>Januari – Mac 2015</b>	<b>28,066</b>

**Bagi statistik 2008 hingga Mac 2015 mengikut negeri, Yang Berhormat Rasah dijemput merujuk statistik seperti di Lampiran A.**

**Tuan Yang di-Pertua**

**Bagi menjawab soalan (b), Kerajaan telahpun mengambil inisiatif-inisiatif untuk membanteras jenayah dan usaha Kerajaan telah dibuktikan melalui statistik jenayah indeks di negara kita telah menurun sejak NKRA Mengurangkan Jenayah ditubuhkan pada tahun 2009. Pada tahun 2014, kadar jenayah indeks telah berjaya diturunkan sebanyak 12.6% daripada 5% yang disasarkan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Rasah, kadar jenayah indeks bagi Januari hingga Mac 2015 ialah turun sebanyak 16.2% daripada 5% yang disasarkan.**

**Di antara langkah-langkah yang telah, sedang dan akan dilaksanakan adalah :-**

- a) Menubuhkan beberapa pasukan khas seperti *Special Task Force On Organised Crime (STAFOC)*, *Special Task force For Anti Vice, Gaming And Gangsterism (STAGG)* dan *Special Tactical Intelligence Narcotics Group (STING)* bagi membanteras jenayah;**
- b) Melaksanakan Ops Lejang, Ops Pintu dan Ops Lusuah bagi mencegah kecurian kenderaan, pecah masuk rumah dan mencuri kabel;**
- c) Melaksanakan Program *Omnipresence: Feet On Street*, bagi mengurangkan jenayah;**

- d) Bagi memudahkan rakyat menghubungi Polis DiRaja Malaysia (PDRM), kemudahan '*Social Network*' seperti '*facebook*', '*twitter*' telah disediakan;
- e) '*High Profile Policing*' telah dilaksanakan di mana pegawai-pegawai kanan PDRM akan 'turun padang' bersama-sama anggota polis lain untuk bertemu dan beramah mesra dengan masyarakat;
- f) Kempen Bersama Membanteras Jenayah atau *United Against Crime* (UAC) untuk mewujudkan kerjasama mapan semua lapisan rakyat termasuk pihak swasta dalam membanteras jenayah;
- g) Pada tahun 2015, tambahan 1,000 buah motosikal berjenama Kawasaki Ninja 250cc untuk Unit Rondaan Bermotosikal (URB) akan dibekalkan untuk pemantauan dan rondaan di kawasan perumahan bagi mewujudkan kejiranan yang lebih selamat dan harmoni. Sehingga Mei 2015, URB telah memiliki sebanyak 2,000 buah motosikal;
- h) *Engagement* antara rakyat dengan PDRM melalui Prorgam Kepolisan Komuniti (*Community Policing*) dalam usaha memerangi jenayah;
- i) Meningkatkan perkhidmatan dan prestasi polis kepada rakyat melalui inisiatif *Balai League Table* (BLT);

- j) Menaik taraf Sistem *Command, Control, Communication, Computer and Intelligence (C4i)* bagi memberi kemudahan kepada rakyat untuk melaporkan kejadian jenayah kepada PDRM;**
- k) Memperluaskan akses perkhidmatan rawatan dan pemulihan penagih dadah melalui *Cure & Care Service Centre (CCSC)* di kawasan *Blackspot* bagi membantu memulihkan penagih dadah yang berisiko menyumbang kepada peningkatan indeks kadar jenayah; dan**
- l) Penyediaan 14 buah Rumah Perantaraan (RP) di setiap negeri bagi membantu bekas banduan yang tiada tempat tinggal, tiada keluarga atau keengganan keluarga untuk menerima bekas-bekas banduan. Bekas-bekas banduan ini boleh memilih menjadi residen di rumah perantaraan ini sementara waktu sebelum mendapatkan pekerjaan.**

**Sebagai kesimpulan, pelbagai langkah telah dilaksanakan oleh Kerajaan untuk mencegah jenayah, dalam usaha untuk meningkatkan tahap keamanan dan kesejahteraan rakyat negara ini.**